

20 FEB 1996

Mahathir-Raya (Bergambar)

PERAYAAN SERENTAK MEMERIAHKAN LAGI RUMAH TERBUKA PM

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Lebih 10 ribu rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat mengunjungi rumah terbuka Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Sri Perdana di sini, hari ini sempena Aidil Fitri.

Perdana Menteri berkata walaupun kebanyakan daripada mereka terdiri daripada masyarakat keturunan India, suasana Hari Raya cukup meriah.

"Saya nampak cukup meriah walaupun kita dapati banyak yang beraya ini terdiri daripada keturunan India kerana mereka tak pergi mana-mana dan berada di sini," kata beliau kepada pemberita ketika ditanya mengenai suasana rumah terbuka beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun masyarakat Melayu dan Cina sibuk dengan perayaan masing-masing, mereka tetap juga mengunjungi rumah beliau untuk mengucapkan "Selamat Hari Raya".

Beliau berkata, ini menunjukkan bahawa hubungan antara pelbagai kaum di negara ini cukup baik.

Perdana Menteri juga tertarik dengan satu kad ucapan yang diberikan oleh seorang tetamu yang dianggap Dr Mahathir sebagai agak baru kerana ia menggabungkan mesej untuk dua perayaan iaitu "Gong Xi-Raya".

Sambutan berganda Tahun Baru Cina dan Hari Raya serta cuti yang panjang tidak menjadi penghalang kepada ramai warga kota khususnya untuk mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri.

Tetamu tempatan dan asing mula tiba di Sri Perdana seawal 8.30 pagi.

Antara orang-orang kenamaan yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan beberapa Menteri dan Timbalan Menteri.

Juga tidak ketinggalan mereka yang cacat, paderi-paderi dan penuntut-penuntut. Beberapa tetamu menyampaikan kalungan bunga kepada Dr Mahathir sementara ada yang meminta beliau menandatangani autograf.

Suasana meriah jelas di Sri Perdana dan para hadirin menjamu selera dengan pelbagai juadah tradisional seperti satay, rendang, ketupat, dodol dan gula-gula.

Sementara itu lebih 8,000 orang, termasuk beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri, menghadiri rumah terbuka Anwar dan isterinya Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail sempena hari lebaran di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Beliau juga menyampaikan "duit raya" kepada kanak-kanak dan orang cacat selain menjamu mereka dengan pelbagai juadah. -- Bernama

ES PR